



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**19 MAC 2021 (JUMAAT)**



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

**19 MAC 2021 (JUMAAT)**

# Lesen khas perniagaan online

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memperkenalkan lesen khas bagi perniagaan dalam talian bertujuan melindungi pengguna daripada menjadi mangsa penipuan. Lesen itu akan diwajibkan tahun depan selepas pindaan terhadap Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Setakat akhir tahun lalu, 355,676 syarikat dalam talian berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). KPDNHEP menerima 11,510 aduan mengenai urus niaga dalam talian sepanjang tahun lalu dengan 7,797 membabitkan pengguna tidak menerima barangan dibeli. **Muka 17**

# Lesen niaga dalam talian diperkenalkan tahun depan

KPDNHEP  
lindungi  
pengguna  
daripada  
penipuan

Oleh Suzalina Halid,  
Faris Fuad dan Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memperkenalkan lesen khas perniagaan dalam talian demi melindungi pengguna daripada terus menjadi mangsa penipuan atau scammer.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata menerusi lesen yang bermula tahun depan itu, peniaga dalam talian akan tertakluk kepada syarat yang perlu dipatuhi, manakala pengguna dapat melakukan pembelian tanpa ragu-ragu.

"Sehingga tahun lalu, sebanyak 355,676 syarikat dalam talian berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian akan melaksanakan lesen khas perniagaan berkenaan.

"Cadangan itu bakal mewajibkan setiap peniaga dalam talian untuk mendapatkan lesen khas berkenaan," katanya melalui kenyataan media selepas menghadiri Majlis Pelancaran dan Penghargaan Anugerah Pilihan Pengguna 2020-2021 di sini, semalam.

Sepanjang 2020, KPDNHEP merekodkan aduan mengenai urus

niaga dalam talian paling tinggi iaitu sejumlah 11,510 aduan.

Daripada jumlah itu, 7,797 aduan membabitkan pengguna tidak menerima barang yang dibeli atau perkhidmatan ditawarkan, berbanding pada 2019 apabila Kementerian itu menerima 5,415 aduan mengenai transaksi dalam talian dengan 3,821 daripadanya tidak menerima barang atau perkhidmatan yang ditawarkan.

Rosol berkata, Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999 perlu dipinda, sebelum lesen khas itu dilaksanakan.

Difahamkan, pindaan itu hanya perlu dibuat pada peringkat Kementerian, sebelum peniaga yang mendaftar dengan SSM bagi menjalankan perniagaan secara dalam talian itu, diwajibkan mendapatkan lesen khas dengan KPDNHEP.

Beliau berkata, dengan pindaan itu, Kementerian dapat menguatkuasakan dan mengambil tindakan undang-undang terhadap peniaga tidak beretika yang melanggar Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"Berdasarkan statistik daripada Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT), mengikut Cyber Security Malaysia (CSM), ada lebih 7,000 kes penipuan dalam talian yang dilaporkan pada tahun lalu.

"Melihat perkembangan ini, Kementerian meminta pengguna agar mengambil sikap lebih berhati-hati ketika berurusan di dalam talian.



Rosol menyampaikan anugerah kepada Pengarah Dr Pariss Nutrition, Priss Tan pada Majlis Anugerah Pilihan Pengguna 2020-2021 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

"Penipuan transaksi dalam talian ini boleh dielak sekiranya pengguna membuat semakan nombor akaun bank peniaga, sebelum melakukan pemindahan wang," katanya.

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 yang sedia ada digariskan mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999, peniaga yang menawarkan produk dan perkhidmatan dalam talian, perlu memenuhi lapan kehendak peraturan itu.

Antara lain, peniaga dalam talian perlu mendedahkan maklumat nama orang dalam perniagaan itu, nombor perniagaan dan syarikat, alamat e-mel dan nombor telefon serta ciri produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Selain itu, harga penuh, kos pengangkutan, cukai dan kos lain, kaedah pembayaran, terma dan syarat serta anggaran masa penghantaran kepada pembeli juga perlu dinyatakan.

Mengikut akta itu, perihal mesej peribadi 'pin tepi' yang menjadi amalan peniaga dalam promosi dalam talian dan media sosial sebenarnya adalah satu kesalahan kerana tidak mendedahkan maklumat yang ditetapkan.

Mengikut peruntukan itu, peniaga yang gagal mematuhi peraturan dan jika kes dibawa ke mahkamah, bagi individu, mereka boleh didenda maksimum RM50,000 atau tiga tahun penjara.

Untuk syarikat yang disabitkan kesalahan pula, boleh didenda sehingga RM100,000.

Oleh Samadi Ahmad  
am@hmmetro.com.my

Putrajaya

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bercadang memperkenalkan lesen khas perniagaan dalam talian bagi melindungi pengguna daripada menjadi mangsa penipuan peniaga dalam talian (e-dagang) atau scammer bermula tahun depan.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, menerusi lesen itu, peniaga tertakluk kepada syarat lesen yang perlu dipatuhi manakala pengguna dapat melakukan pembelian tanpa ragu-ragu.

Katanya, hingga tahun lalu sebanyak 355,676 syarikat dalam talian berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan kementerian kini dalam rangka cadangan melaksanakan lesen khas perniagaan berkenaan.

"Cadangan itu bakal mewajibkan setiap peniaga dalam talian untuk mendapat-

## KEKANG PENIPUAN BISNES DALAM TALIAN

# Lesen khas bermula 2022

kan lesen khas berkenaan," katanya melalui satu kenyataan media selepas menghadiri Majlis Pelancaran dan Penganugerahan Anugerah Pilihan Pengguna 2020-2021 di sini, semalam.

Sepanjang 2020, KPDNHEP merekodkan aduan berhubung masalah transaksi membabitkan 11,510 aduan.

Daripada jumlah itu, sejumlah 7,797 aduan membabitkan pengguna tidak menerima barang atau perkhidmatan ditawarkan.

Berbanding pada 2019, kementerian menerima sejumlah 5,415 aduan berhubung transaksi dalam talian dengan 3,821 daripadanya adalah kerana tidak menerima barang atau perkhidmatan ditawarkan.

Rosol berkata, Pindaan terhadap Peraturan-Peratu-



LAPORAN muka depan Harian Metro, semalam

ran Perlindungan Pengguna adakan terlebih dahulu sebelum lesen khas itu dilaksanakan.

Katanya, kementerian dapat menguatkuasakan dan mengam-

**7,797 aduan babitkan pengguna tidak terima barang atau perkhidmatan pada 2020**

bil tindakan undang-undang terhadap peniaga yang tidak beretika yang didapati melanggar Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"Berdasarkan statistik daripada Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT) terdapat lebih 7,000 kes penipuan dalam talian yang dilaporkan pada tahun lalu.

"Melihat perkembangan ini, kementerian menyeru komuniti pengguna mengambil sikap lebih berhati-hati ketika berurusan di dalam talian.

"Penipuan transaksi dalam talian ini boleh dielak sekiranya pengguna membuat semakan nombor akaun bank peniaga sebelum

melakukan pemindahan wang," katanya.

Beliau memberi reaksi terhadap pendedahan Harian Metro semalam berhubung peningkatan kes penipuan e-dagang di Malaysia yang meningkat hampir sekali ganda tahun lalu berbanding 2019.

Berdasarkan statistik didedah Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Zainuddin Yaacob, sebanyak 5,848 kes direkodkan sepanjang tahun lalu membabitkan kerugian lebih RM41 juta ditanggung mangsa jual beli e-dagang.

Peningkatan kes penipuan didakwa berlaku ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila kebanyakan pengguna memilih kaedah pembelian atau jualan dalam talian.

## KPDNHEP terima lebih 7,000 kes tipu perniagaan online

**PUTRAJAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerima lebih 7,000 aduan berhubung kes penipuan pembelian online sepanjang tahun lalu.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, angka itu diperoleh berdasarkan statistik Malaysia Computer Emergency Response Team di bawah Cyber Security Malaysia.

"Kita juga merekodkan peningkatan jumlah aduan mengenai transaksi online sebanyak 11,510 kes berbanding 5,415 pada 2019.

"Daripada jumlah itu, 7,797 aduan adalah kerana tidak menerima barang atau perkhidmatan yang ditawarkan berbanding 3,821 aduan pada 2019 bagi alasan sama," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran dan Penganugerahan Anugerah Pilihan Pengguna 2020-2021 di sini semalam.

Sehubungan itu, Rosol berkata, pihaknya akan merangka pelaksanaan lesen khas perniagaan online bagi memerangi masalah penipuan itu.

Tambahnya, menerusi lesen itu, peniaga tertakluk kepada syarat-syarat lesen yang perlu



**PEMBELI** barangan online dinasihatkan supaya berhati-hati supaya tidak menjadi mangsa penipuan. – GAMBAR HIASAN

dipatuhi, manakala pengguna dapat melakukan pembelian tanpa ragu-ragu.

"Setakat ini, sebanyak 355,676 syarikat online telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Lesen khas itu antara langkah efektif untuk memerangi penipuan bisnes online," katanya.

Menurut Rosol, kementerian akan menguatkuasakan dan

mengambil tindakan undang-undang terhadap peniaga yang tidak beretika yang didapati melanggar Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 di bawah Akta Pelindungan Pengguna 1999.

Sehubungan itu, pengguna diminta membuat laporan sekiranya pernah menjadi mangsa penipuan pembelian online.

## Special licence for online businesses

**PUTRAJAYA:** The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry plans to introduce a special licence for online businesses as a measure to protect consumers from becoming victims of scammers or online fraud.

Deputy Minister Datuk Rosol Wahid said with the licence, sellers would be subject to conditions while consumers would be able to make online purchases without worrying about the legitimacy and reputation of traders.

Rosol said the special licence

would be enforced after amendments are made to the Consumer Protection (Electronic Commerce Transactions) Regulations 2012 under the Consumer Protection Act 1999.

"This special online business licence is one of the effective measures to combat scammers, and we will try to enforce it immediately," he told reporters after attending the Consumer's Choice Award yesterday.

Based on the ministry's records, the number of complaints about

online transactions last year showed an increase to 11,510 compared with 5,414 in 2019, he said.

The risk of fraudulent online transactions can be avoided by checking a seller's bank account number before making any money transfer, he added.

The Police Commercial Crime Investigation Department has a website and application known as "Semak Mule CCID" for users to make an initial check of a seller's bank account or telephone number.

Rosol said the National Consumer Action Council is developing a mobile application called "idenfic" to enable users to identify and report fraudulent accounts via a few simple steps.

"The app will record user reports against a scammer's bank account so that other users can be informed of the case and avoid being cheated through the same account. This app will help verify authentic and reliable sellers as well as increase potential buyers' confidence." - Bernama

## Peniaga sambut baik inisiatif tingkat keyakinan pembeli

**Kuala Lumpur:** Peniaga mengharapkan urusan dokumen dan bayaran pendaftaran lesen khas perniagaan dalam talian yang akan diperkenalkan kerajaan tidak membebankan mereka.

Golongan peniaga dalam talian yang menyambut baik usaha itu, menyifatkan inisiatif berkenaan akan membuatkan pelanggan lebih yakin membeli barangan dengan kaedah terbabit, sekali gus meningkatkan hasil jualan mereka.

Usahawan produk makanan sejuk beku, Dr Dziya Zil Ikram, 33, berkata pihaknya mengharapkan bayaran lesen khas terbabit tidak bersifat menekan kerana mereka juga terpaksa mengeluarkan sejumlah peruntukan untuk lesen perniagaan.

"Inisiatif ini baik namun ia harus diperhalusi khususnya dalam memastikan tiada kerumitan dalam aspek ingin memohon atau memperbaharui lesen.

"Kaedah ini akan menyebabkan pengguna lebih yakin membeli barang secara dalam talian dan peniaga yang mempunyai reputasi baik juga mendapat manfaatnya," katanya ketika dihubungi *BH*, di sini.

Beliau mengulas inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bercadang memperkenalkan lesen khas perniagaan dalam talian bagi melindungi pengguna daripada menjadi mangsa penipuan peniaga dalam talian atau *scammer* bermula tahun depan.

Pada masa sama, Dziya Zil turut mencadangkan supaya hanya syarikat utama perniagaan dalam talian perlu memohon lesen khas terbabit dan boleh dikongsi bersama golongan ejen, *dropship* atau stokis bagi mengurangkan beban mereka.

"Ia bermakna ejen, *dropship* dan stokis tidak perlu mempunyai satu lesen khas sebaliknya hanya menggunakannya daripada satu syarikat utama.

"Selain itu, kerajaan juga perlu mendapatkan jaminan daripada portal e-dagang untuk memastikan peniaga dalam talian di luar negara turut sama bertanggungjawab atau mendapatkan lesen khas ini selain peniaga tempatan," katanya.

Sementara itu, peniaga kek dalam talian, Nur Lela Zulkipli, 32, berkata pelaksanaan lesen khas ini memberi kelebihan buat peniaga yang sah menjalankan perniagaan dengan jujur untuk mendapat kepercayaan pembeli.

Beliau bersetuju dikenakan lesen khas itu, namun prosedurnya seharusnya tidak menyusahkan golongan itu.

## Kapal tangki diesel disita

**Labuan:** Kapal tangki yang membawa muatan 800,000 liter diesel disita selepas gagal mengemukakan lesen borong sah tempoh di perairan Teluk Brunei di sini, kelmarin.

Nilai sitaan keseluruhan RM4.8 juta yang membabitkan nilai kapal tangki, Yuho Maru termasuk muatan diesel berkenaan.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi Pasukan Polis Marin (PPM) Labuan Asisten Superintendan Saidul

Maruf Rosli berkata, operasi jam 12 tengah hari itu memberi tumpuan bagi mengesan salah laku aktiviti laut di perairan Pelabuhan Labuan sehingga ke Perairan Teluk Brunei.

Katanya, operasi turut dijalankan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Labuan.

"Dalam operasi Op Benteng Covid dan Op Inter Agensi itu, PPM mengesan kapal tanker (tangki) ber-

gerak di kawasan sasaran perairan.

"Hasil pemeriksaan, kapten kapal terbabit gagal mengemukakan lesen borong minyak diesel yang masih sah tempoh," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Saidul berkata, kapal berkenaan dikendalikan seorang kapten bersama lapan kru berusia dalam lingkungan 20 hingga 73 tahun.

Katanya, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.



ANGGOTA PPM memeriksa kapal tanker kerana gagal mengemukakan lesen borong sah di Labuan.

## Tanker with subsidised diesel seized in Labuan

**LABUAN:** Officers from the Labuan Domestic Trade and Consumers Affairs Ministry seized an oil tanker laden with 800,000 litres of diesel worth RM1.8 million in Labuan waters on Wednesday. Its enforcement chief, Anual Kannari, said the tanker was found sailing in a suspicious manner by his enforcement officers during a joint operation with the Labuan marine police. The diesel-laden tanker was stopped about 2pm for an offence under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961 for keeping subsidised diesel without a licence, he said yesterday. Anual said eight crew members, aged between 20 and 45, were on the tanker and their statements were recorded to facilitate investigations. **Bernama**

|         |   |                  |
|---------|---|------------------|
| HARI    | : | <u>JUMAAAT</u>   |
| TARIKH  | : | <u>19/3/2021</u> |
| M/SURAT | : | <u>16</u>        |

| Senarai Harga Barang Keperluan |         |
|--------------------------------|---------|
| • Ayam                         | RM5.99  |
| • Daging Lembu Tempatan        | RM34    |
| • Daging Lembu Import          | RM18.90 |
| • Telur Gred A                 | RM7.99  |
| • Ikan Kembung                 | RM9.99  |
| • Minyak Masak                 | RM5.30  |
| • Gula Pasir                   | RM2.85  |
| • Bawang Besar Holland         | RM2.89  |
| • Bawang Putih                 | RM5.90  |
| • Cili Merah                   | RM9.00  |
| • Kubis Bulat Tempatan         | RM3.50  |
| • Tepung Gandum                | RM2.15  |

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP